

19 SEP 2001

Hishammuddin-Cuti

CUTI UMUM SEHARI UNTUK SEKOLAH PADA AHAD ATAU ISNIN

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Hari Ahad dan Isnin ini (23 dan 24 Sept) diisytihar sebagai cuti umum untuk sekolah-sekolah.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata cuti umum untuk sekolah rendah dan menengah itu diputuskan pada mesyuarat mingguan kabinet hari ini memandangkan penglibatan ramai guru dan pelajar sekolah dalam menjayakan Sukan SEA ke-21 yang berakhir Isnin lepas.

"Perdana Menteri bersetuju dengan cuti umum itu kerana ramai guru dan lebih 8,000 pelajar secara langsung menjayakan Sukan SEA serta ramai lagi yang keluar memberikan sokongan," kata Hishammuddin kepada pemberita setelah mempengerusikan mesyuarat kementeriannya selepas mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Katanya bagi sekolah yang minggu persekolahannya bermula hari Ahad, cuti umum bagi mereka ialah pada 23 Sept manakala bagi sekolah yang permulaan minggu persekolahannya hari Isnin, cuti umum ialah pada 24 Sept.

"Kabinet sebulat suara merakamkan syabas dan tahniah kepada kontinjen negara, sukarelawan, polis, tentera, murid-murid dan semua yang sama-sama memberikan sumbangan dalam menjayakan Sukan SEA ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan media selepas menutup Sukan SEA pada Isnin lepas telah mengisytiharkan Sabtu ini (22 Sept) sebagai cuti umum berikutan kejayaan Malaysia sebagai juara keseluruhan Sukan SEA.

Menurut Perdana Menteri cuti umum itu merupakan hadiah kepada rakyat Malaysia kerana memberi sokongan kepada atlit negara yang membolehkan Malaysia menjadi juara buat pertama kali dalam sejarah 42 tahun temasya sukan serantau itu.

Malaysia meraih 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa mengalahkan juara bertahan Thailand yang mengumpul 103 emas, 86 perak dan 89 gangsa.

-- BERNAMA

AZ ZS NMO